

BERITA HARIAN

DATE: 11/5/2010

Malaysia, Kemboja perlu perbaharui komitmen tingkat dagangan

DATUK Seri Najib Razak, berkata Malaysia dan Kemboja perlu memperbaharui komitmen bagi meningkatkan nilai dagangan dua hala antara kedua-dua negara yang menurun sejak dua tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, cabaran itu mesti diatasi bagi menambah nilai dagangan memandangkan ketika ini, jumlahnya begitu kecil dan hanya terhad kepada beberapa produk.

"Eksport utama Malaysia ke

Kemboja termasuk produk kimia, perkakasan, peralatan dan produk elektronik manakala import utama kita kebanyakannya ialah tekstil, pakaian, getah mentah dan balak.

"Saya percaya masih ada banyak peluang untuk meluaskan skop produk dan perkhidmatan yang boleh diperdagangkan antara kedua-dua negara. Inilah cabaran yang saya ingin ajukan kepada ahli perniagaan Malaysia dan Kemboja," katanya.

Perdana Menteri berucap

pada Forum Perniagaan Malaysia-Kemboja dan makan tengah hari yang dihadiri lebih 500 ahli perniagaan Malaysia dan Kemboja. Hadir sama Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Duta Malaysia ke Kemboja, Datuk Pengiran Mohd Hussein Mohd Tahir dan Ketua Delegasi Perniagaan Malaysia, Tan Sri Mohd Ramli Kusairi.

Nilai dagangan yang dicatatkan dari Januari hingga November 2009 antara kedua-

dua negara ialah AS\$156.1 juta (RM514.8 juta), menurun daripada AS\$166.8 juta (RM547 juta) pada 2008 - berkurangan 6.4 peratus.

Eksport Malaysia ke Kemboja menurun lapan peratus kepada AS\$142.1 juta (RM468 juta) pada 2009 berbanding AS\$154.4 juta (RM508 juta) pada 2008 manakala eksport Kemboja ke Malaysia pula meningkat 22.8 peratus kepada AS\$14 juta (RM46 juta) berbanding AS\$11.4 juta (RM36 juta) pada 2008.

"Malaysia pernah menjadi pelabur terbesar di Kemboja, 14 tahun berturut-turut dengan jumlah mencecah AS\$2.19 bilion (RM7.3 bilion). Jumlah pelaburan Malaysia dua tahun lalu pula hanya AS\$118 juta (RM389.4 juta)," katanya.

Najib berkata, usaha Kemboja meningkatkan akses kepada kemudahan asas seperti bekalan air elektrik, pengangkutan dan perkhidmatan telekomunikasi memainkan peranan signifikan dalam me-

nyediakan suasana kondusif untuk pelabur asing dan membuka pintu bagi pelaburan terus oleh syarikat Malaysia seperti Leader Universal Holdings, Petronas, Muhibbah Engineering Bhd, Sunway dan Telekom Malaysia Bhd.

Beliau berkata, kemunculan bank Malaysia seperti Public Bank Bhd dan Malayan Banking Bhd pula menonjolkan bagaimana syarikat Malaysia membangunkan Kemboja.